

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

---

## *i-KeeP* JADI PILIHAN UTAMA PENGGUNA

**KUALA LUMPUR, 3 SEPTEMBER 2019** – Inisiatif Kedai Ekonomi Penggunan ( *i-KeeP*) adalah merupakan antara inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk membantu masyarakat yang merasai kesan peningkatan kos sara hidup terutama sekali di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur.

Dengan mengambil kira sasaran ini, pihak Kementerian dengan kerjasama Perbadanan Nasional Berhad ( PNS) telah memperkenalkan *iKeeP* melalui 10 buah syarikat peruncitan yang berpengalaman dengan menawarkan harga yang berpatutan untuk barangan keperluan harian terpilih. Melalui 10 syarikat-syarikat peruncitan ini, sejumlah 368 premis di seluruh negara telah mengambil bahagian. Dua (2) daripada syarikat peruncitan berkenaan ialah Big Supermart dan SKOMK.

Beberapa lagi syarikat peruncitan yang telah menyatakan minat untuk menyertai *i-KeeP* termasuk di Sabah dan Sarawak. Kebanyakan syarikat peruncitan melalui premis runcit masing-masing adalah lokasi yang kerap dikunjungi oleh para pengguna.

Kerjasama dengan syarikat dan rangkaian premis runcit ini adalah sebagai strategi Kerajaan untuk memastikan faedah inisiatif ini dapat dirasai oleh semua peringkat pengguna terutama kumpulan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Turut menyatakan minat menyertai *i - KeeP* ialah beberapa syarikat koperasi berminat menyertai *i - KeeP* yang melihat potensi pengembangan perniagaan mereka menerusi *i-KeeP* sejajar dengan matlamat untuk menawarkan barangan keperluan harian kepada masyarakat terutama di luar bandar.

Pengenalan *i-KeeP* kepada masyarakat adalah sebagai satu usaha Kerajaan untuk memastikan pengguna dapat menikmati penjimatan yang lebih baik dengan berbelanja barangan keperluan harian di premis premis yang mengambil bahagian.

Tumpuan utama *i-KeeP* ketika ini adalah terhadap penawaran barangan keperluan asas yang terdiri daripada gula, minyak masak, tepung gandum, beras di samping barangan

keperluan harian lain yang berjenama dengan mengekalkan pembungkusan sedia ada barangan tersebut.

i-KeeP telah memperkenalkan *private brand* sendiri melalui jenama “*Lestari*”. Sebagai permulaan, dua jenis barangan iaitu minyak masak dan tepung gandum bervitamin akan mula berada dalam pasaran tidak lama lagi. Pengenalan barangan *private brand* ini adalah sebagai satu langkah Kementerian untuk memberikan pilihan yang lebih menjimatkan kepada pengguna.

Pengguna boleh menikmati penjimatan sehingga 30% daripada harga runcit yang disyorkan (*Recommended Retail Price-RRP*) bagi sepuluh kategori barangan utama antaranya ialah sos/kicap, minyak masak, susu/krim, barangan penjagaan diri, barangan keperluan bayi, makanan dalam tin dan minuman bancuhan. Ini sudah pasti akan memberikan lebih pilihan kepada pengguna untuk memilih premis-premis di mana mereka boleh mendapat penjimatan ketika berbelanja walaupun tidak terlalu murah tetapi masih dapat membuat sedikit simpanan bagi kegunaan - kegunaan lain.

Karnival yang julung kalinya diadakan ini disertai oleh kira - kira 27 peserta terdiri daripada Rakan Strategik i-KeeP iaitu Pasaraya Big Supermart dan Syarikat Koperasi Orang Melayu Kerajaan Perak (SKOMK), pengusaha-pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS), peserta-peserta di bawah Program *Business In Transformation (BIT)*, para pengusaha *food truck*, peniaga dan penjaja-penjaja kecil.

Penyertaan dalam karnival ini juga datangnya daripada syarikat pengeluar kenderaan nasional dan antarabangsa iaitu Proton, Perodua dan KIA serta penyedia perkhidmatan telekomunikasi mudah alih iaitu Celcom.